

UCAPAN PERDANA MENTERI MERANG-  
KAP CANSOLOR UNIVERSITI KEBANGSAAN  
MALAYSIA, DI MAJLIS MAKAN MALAM  
KONVOKESYEN UNIVERSITI KEBANGSAAN  
MALAYSIA DI HOTEL HILTON, KUALA  
LUMPUR PADA 23<sup>HB</sup> JUN, 1973

Saudara-saudara sekalian,

Saya merasa sungguh gembira dan berbesar hati kerana dapat bersama-sama pada majlis yang permai ini, yang diadakan untuk mengingati peristiwa bersejarah bagi Universiti Kebangsaan Malaysia iaitu upacara konvokesyen yang pertama kali diadakan oleh Universiti ini untuk siswazah angkatan pertama. Peristiwa petang tadi mempunyai erti yang besar pada diri saya sendiri pertama kerana perasmian lantikan saya sebagai Canselor Univer-  
siti Kebangsaan Malaysia, dan kedua inilah peluang sulung bagi saya menjalankan tugas-tugas yang bersangkutan dengan jawatan yang mulia itu.

Seperti yang saya katakan pada siang tadi, saya menerima per-  
lantikan itu dengan penuh kesyukuran dan rasa insaf kerana mengingat sebagai Menteri Pelajaran yang pertama saya merasa bertuah dapat peluang merangka Dasar Pelajaran Negara yang menjadi landasan sistem pelajaran kebangsaan kita sekarang. Dasar Pelajaran ini menetapkan garis-garis panduan dari pendidi-  
kan peringkat rendah atau primary membawa ke peringkat ter-  
tinggi. Dengan tertubuhnya Universiti Kebangsaan Malaysia tiga tahun dahulu, dasar yang menitikberatkan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar berjaya mencapai matlamatnya.

Saudara-saudara sekalian,

Seperti yang kita maklum, pelajaran adalah kunci kemajuan samada dari segi kepentingan individu, masyarakat dan juga negara. Dengan kerana itulah kita memperuntukkan jumlah wang yang besar sebagai investment di bidang ini, yang merupakan bahagian yang terbesar sekali dalam belanjawan negara ber-  
banding dengan bidang-bidang lain. Tidak siapa yang boleh menafikan hakikat bahawa kemajuan bidang pendidikan di negara

kita telah meningkat dengan begitu pesat hingga dapat mencapai matlamat pendidikan rendah percuma atau free primary education lebih awal dari tarikh yang dijadualkan.

Begitu pula, kalau dilihat dari segi pelaksanaan dasar, penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di peringkat rendah sedang berjalan dengan lancar dan memuaskan. Memandang pada kemajuan ini, matlamat menjadikan Bahasa Malaysia sebagai pengantar di sekolah-sekolah pada semua peringkat hingga ke Universiti dapat dicapai sebagaimana yang ditetapkan pada tahun 1983.

Serentak dengan itu, proses reorientasi pendidikan dengan menitikberatkan jurusan kemahiran seperti vokesyenal teknik dan pertanian telahpun berjalan dengan memuaskan untuk menampung keperluan tenaga manusia bagi bidang perindustrian dan pertanian yang semakin meluas itu.

Pendek kata, perkembangan dan kemajuan yang telah dicapai di bidang pendidikan hari ini membuktikan kebenaran approach dan strategy yang digariskan dalam Penyata Pelajaran 1956 dan ditegaskan lagi dalam Penyata Pelajaran 1960 yang boleh disifatkan sebagai dokumen penting dalam pembangunan negara kita.

Saudara-saudara sekalian,

Memandang pada hakikat bahawa pendidikan merupakan tapak asas perkembangan sosial dan ekonomi negara— the cornerstone of socio-economic development—saya rasa amatlah penting kita pada masa ini menumpukan perhatian untuk membaiki serta meninggikan lagi standard pendidikan yang ada sekarang. Dalam keadaan di mana pendidikan pada peringkat rendah sudahpun meliputi seluruhnya dengan memberikan peluang bersekolah kepada setiap kanak-kanak di negara ini, sudahlah tiba masanya kita memikirkan soal quality dalam ertikata sepenuhnya iaitu menggabungkan ilmu pengetahuan dengan keperibadian dan disiplin yang teguh pada tiap-tiap seseorang. Dengan memiliki quality ini ia akan benar-benar menjadi warganegara yang berguna kepada masyarakat.

Bagaimanapun, kita faham bahawa persediaan di sekolah ataupun di Universiti hanyalah menjadi tapak permulaan bagi seseorang itu sebelum ianya menceburkan diri dalam pergolakan

masyarakat. Namun demikian, tidaklah dinafikan bahawa walaupun di sekolah atau di Pusat Pengajian Tinggi, pendidikan peribadi akan mendorong ke arah membina rasa kesedaran terhadap pembangunan atau development consciousness dalam hati sanubari seseorang iaitu menanamkan sikap objectivity dan openmindedness, di samping kebolehan menyusun dan memimpin serta semangat pelopor, perasaan tanggungjawab dan keyakinan pada diri sendiri.

I said at the convocation this afternoon, I accepted the appointment of Chancellor with pride and humility, fully realizing the fact that as the first Minister of Education in 1956 of this government. I had the opportunity and the privilege of formulating together with some of our National leaders the National Policy of Education which remain until today the basic of our National Education System. This National System provides the structure of our education at all levels from Primary to University. The establishment of our University Kebangsaan is indeed the realization from policy to make our National Language the official language of the country and the medium of instruction in our schools and Institution of Higher learning. As Education is the key to progress and development of a Nation as a developing country we have laid great emphasis on Education as today Education is the biggest item in our Budget.

Since 1956 the progress on education in this country has been very great indeed. We are now giving children free education up to the age of 15 years. We have expanded University Education equally greatly. Now that we have five Universities in this country. Having expanded education at Primary and Secondary levels we are now giving emphasis to Vocational and Technical Education so that the need for trained manpower for our Agriculture as well as Industrial development can be met. Undoubtedly we have to reorientate our education to the need for scientific and technological advancement if we are to progress on a nations.

Now realizing also that education is the cornerstone of socio-economic development it is now necessary for us to improve the standard of our education. Having expanded education so much at all levels we must now improve the quality of the products of our schools and institution of Higher Learning combine knowledge with character and discipline only if our young boys and girls possess their qualities can they become useful citizens of our country.

Barangkali apa yang saya katakan itu adalah keadaan "ideal" akan tetapi hal ini bukanlah di luar kemungkinan ataupun beyond the realm of reality. Saya percaya melalui sistem pendidikan yang berjalan sekarang yang diperkukuhkan lagi dengan prinsip-prinsip Rukunegara sebagai panduan akan membolehkan kita membina jenerasi baru yang mempunyai quality seperti yang dicita-dicita itu. Saudara-saudara sekalian,

Majlis Jamuan yang permai ini ialah untuk menandakan kesyukuran kita kepada Allah Yang Maha Kuasa atas rahmat dan Inayahnya sehingga Universiti Kebangsaan ini berjaya dalam menjalankan tugasnya. Sukalah saya mengambil kesempatan ini menyatakan penghargaan kepada ahli-ahli Lembaga Pengelola yang telah memberikan usaha dan tenaga mereka, ibarat memelihara anak kecil memberikan panduan serta bimbingan sehingga boleh tegak atas kaki sendiri.

Begitu juga saya mengucapkan terima kasih kepada Naib Canselor dan academic serta non-academic staff yang telah mencurahkan masa dan tenaga mereka untuk meletakkan nama Universiti ini pada taraf yang sewajarnya. Tidak ketinggalan juga para mahasiswa yang pada amnya telah memberikan kerjasama kepada pimpinan dan pentadbiran UKM ini untuk mewujudkan kehidupan kampus yang selayaknya bagi sebuah Pusat Pengajian Tinggi.

Sebagai Canselor, saya sedar betapa pentingnya Universiti ini memelihara kebebasan akademik atau academic freedom. Akan tetapi dalam hal ini sukalah saya mengingatkan para guru dan juga mahasiswa akan hakikat bahawa seperti halnya dengan konsep demokrasi yang kita junjung tinggi, academic freedom di Universiti patutlah disesuaikan dengan kehendak dan keadaan masyarakatnya. Perlembagaan negara kita menjamin kebebasan individu berpegang pada faham politik pilihannya asal saja faham itu tidak menentang undang-undang dan kanun negara. Saya harap kepercayaan yang diberikan kepada keluarga Universiti ini—para gurunya dan juga kaum mahasiswa tidak diabaikan atau disiasikan dan mereka berikrar akan memelihara nama baik Universiti ini pada setiap masa demi kepentingan mereka sendiri dan kepentingan negara.

Pagi besok, kalau tiada apa-apa halangan, saya akan menyertai mereka dan merasmikan Pesta Konvokesyen yang memberikan

peluang kepada orang ramai mendekati UKM ini untuk berkenalan lebih rapat dengan kaum mahasiswa dan para gurunya sambil menderma kepada Tabung Kebajikan mereka. Saya amat berpuashati melihat bahawa kaum mahasiswa pada amnya menunjukkan kesedaran dan keinsafan terhadap keadaan masyarakat sekeliling dan turut menyumbangkan tenaga membantu mereka memperbaiki keadaan hidup, khasnya bagi mereka yang diam di luar bandar. Bagi kaum mahasiswa yang berasal dari bandar, sudah barang tentu pengalaman berkhidmat di kampung dalam apa bentuk jua pun memberikan mereka asas yang baik bagi mendalami masalah-masalah masyarakat secara akademis dan tidak hanya bergantung pada second-hand source material dari suratkhbar dan majallah tulisan orang lain.

Saudara-saudara sekalian,

Pada hari yang berbahagia ini, saya ingin juga membawa para hadirin menjelajah masa depan bagi melihat perkembangan dan kemajuan UKM ini. Saya sukacita pusat kampus di Bangi menepati maksud kita bukan hanya dari segi membina sebuah mahligai ilmu bahkan yang sama pentingnya bagi melaksanakan matlamat penyusunan semula masyarakat, kerana serentak dengan pembinaan kampus, kita menggerakkan pembinaan bandar baru Bangi dalam environment indah dan moden. Jenerasi yang akan menjadi penghuni kampus Bangi itu sungguh bertuah mendapat tempat serta kemudahan yang sukar ada bandingannya dengan mana-mana Universiti di sebelah sini. Sesungguhnya Pusat Universiti Kebangsaan di Bangi itu akan menjadi kebanggaan kepada rakyat dan negara. Serene and calm atmosphere of the area—small hills with stream running by the side—suitable place for politicians and civil servants to retire.

Saudara-saudara sekalian,


Majlis malam ini menjadi lebih berseri dengan kehadiran para tetamu yang mewakili Universiti-universiti jauh dan dekat, dan saya sekali lagi ingin merakamkan terima kasih dan penghargaan atas sambutan serta sokongan mereka kepada UKM yang muda ini. Saya berharap hubungan yang baik ini akan terus berkekalan dalam bidang bertukar-tukar tenaga dan pengalaman yang mana akan membawa UKM melangkah maju ke hadapan bagi memenuhi peranan dan tanggungjawab kepada negara dan perkembangan ilmu pengetahuan.

Ladies and Gentlemen,

Before I sit down, I should like once again to express, on behalf of University Kebangsaan, our sincere gratitude to the representatives of the various Universities who have come from far and near to be with us on this historic occasion. We are greatly honoured by their presence as well as gratified by the support that they have given to this new University of ours. I hope and trust that the friendly co-operation between this Universiti Kebangsaan and the other Universities will be continued and strengthened in the years to come and that this University will be able to exchange experiences as well as manpower with the other Universities from time to time. This co-operation will certainly help in great measure Universiti Kebangsaan to grow and play its rightful part in the life and progress of this Nation.

Ladies and Gentlemen,

I thank you all for your presence at Convocation as well as at this dinner here tonight.



Tun Abdul Razak bin Hussein sedang menyaksikan pameran di pembukaan Dermajaya anjuran Wanita UMNO di Dewan Perhimpunan China, Kuala Lumpur pada 29hb Jun, 1973.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)